

19 DEC 2000

Ainum-Peguam Negara

AINUM DILANTIK PEGUAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Datuk Ainum Mohd Saaid dilantik sebagai Peguam Negara yang baru untuk tempoh dua tahun mulai 1 Jan tahun depan.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkenan membuat pelantikan itu mengikut Perkara 145 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Ainum, 54, akan menggantikan Tan Sri Mohtar Abdullah, yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Dis ini.

Beliau merupakan wanita yang pertama menyandang jawatan itu di negara ini.

Sebagai Pendakwa Raya, Peguam Negara mempunyai kuasa antara lain untuk membuat keputusan mengenai pendakwaan. Peguam Negara juga bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan.

Dilahirkan pada 14 Feb, 1946, Ainum, berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang dari University of Singapore dan Sarjana Undang-undang dari Vrije Universitat, Brussels, Belgium.

Beliau berkhidmat selama 26 tahun dari tahun 1970 dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sebelum bersara pilihan pada 1996.

Jawatan terakhir yang beliau sandang sebelum bersara ialah Penggubal Undang-undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara.

Beliau memegang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman sepanjang 26 tahun dengan kerajaan termasuk sebagai majistret di Ipoh.

Dari Julai 1990 sehingga Oktober 1991, Ainum dipinjamkan ke Bank Dunia sebagai penasihat Kumpulan Pembangunan Sektor Swasta, Jabatan Perundangan.

Beliau kemudian berkhidmat di Bahagian Penasihat dan Antarabangsa Jabatan Peguam Negara dan menjadi ketuanya pada 1992, dan dari tahun 1994 sehingga 1995, mengetuai Bahagian Jenayah jabatan itu.

Ainum menyertai Suruhanjaya Sekuriti pada 2 Jan 1996 sebagai Pengarah Bahagian Penyeliaan Pasaran tetapi meletak jawatan enam bulan kemudian untuk berkhidmat dalam sektor swasta.

Pada 16 Ogos 1996, beliau dilantik pengarah Pangkalen Holdings dan menjadi pengarah eksekutif dan ketua pegawai operasi Metrojaya Bhd sebelum menyertai semula SC pada April, 1999 sebagai Timbalan Ketua Eksekutif bertanggungjawab mengenai penguatkuasaan, pematuhan dan penyeliaan pasaran.

-- BERNAMA

AFY ZS RYN MAI